

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 17.05.2016

Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan menstruktur semula syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) selepas hasil siasatan Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah membuktikan bahawa tiada penglibatan Perdana Menteri seperti mana dakwaan daripada pihak-pihak tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Memang benar dan sahih bahawa hasil siasatan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara ("PAC") mendapati bahawa

penglibatan

YAB Perdana Menteri di dalam 1MDB tidak berlaku sepertimana yang didakwa oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kewangan melalui siaran media di laman web rasminya pada 4 Mei 2016 telah mengumumkan bahawa Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) sebagai pemegang saham 100% 1MDB telah bersetuju untuk melaksanakan sepenuhnya syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dalam laporan mengenai Kawalan Pengurusan Urus Tadbir Syarikat 1MDB.

Perincian cadangan yang terdapat di dalam laporan PAC antara lainnya adalah seperti berikut:

- i. Pemindahan hak milik Bandar Malaysia Sdn Bhd, TRX City Sdn Bhd, serta tanah di Air Itam dan Pulau Indah kepada MKD.
- ii. Pembubaran Lembaga Penasihat 1MDB.
- iii. Memansuhkan Artikel 117, Memorandum dan Artikel 1MDB (*Memorandum and Articles of Association*, dengan izin) dan menukar semua rujukan daripada "Perdana Menteri" kepada "Menteri Kewangan".

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan itu, MKD telah mengesahkan menerima tawaran peletakan jawatan Lembaga Pengarah 1MDB berkuat kuasa 31 Mei 2016 dan akan melantik Lembaga Pengarah yang baharu sementara Encik Arul Kanda akan kekal sebagai Presiden 1MDB sehingga notis selanjutnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN : 89

**YB Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) apakah tindakan yang akan diambil terhadap operator-operator "tow truck" yang tidak bertanggungjawab dan yang mengenakan fi tunda yang tinggi; dan
- (b) berapa aduan telah diterima pada tahun 2015 dan 2016 dan bagaimanakah syarikat insurans dapat memberi perkhidmatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah peruntukan sedia ada, kenderaan jenis trak tunda adalah diwajibkan untuk didaftarkan sebagai kenderaan perdagangan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi membolehkannya berada di atas jalan raya dan menjalankan operasi menunda kenderaan.

Dalam masa yang sama, JPJ juga mengawal selia dari aspek pembinaan dan rekabentuk kenderaan tersebut melalui pelaksanaan prosedur kelulusan pelan teknikal kenderaan bagi memastikan pembinaannya mematuhi setiap ketetapan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959. Selain itu, berdasarkan kepada Kaedah – Kaedah Kenderaan Motor (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) 1995, trak tunda yang berstatus kenderaan komersial adalah diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan berkala di mana-mana cawangan PUSPAKOM bagi memastikan kenderaan tersebut berada dalam keadaan *roadworthy*.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kementerian Pengangkutan mengambil maklum masalah trak tunda pemangsa (*predatory tow trucks*) khususnya yang mengambil kesempatan ke atas mangsa kemalangan. Oleh itu, Kementerian Pengangkutan akan bekerjasama

dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Jabatan Perdana Menteri (SPAD, JPM) dan agensi-agensi berkaitan untuk mengawal selia operasi komersial trak tunda termasuk cadangan untuk melesenkan pengusaha trak tunda. Bagi maksud ini, aspek perundangan dan mekanisme pelaksanaan akan diteliti selain mengambilkira maklumbalas daripada pihak industri.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Kementerian ini tidak mempunyai statistik berhubung aduan salah laku pengendali perkhidmatan menunda (*tow truck operators*). Industri insurans dan takaful telah menubuhkan Pusat Panggilan Bantuan Kemalangan (*Accident Assist Call Centre, Accident Assist*) untuk memberi bantuan kecemasan kepada pemegang polisi insurans / takaful sekiranya berlaku kemalangan. *Accident Assist* menyediakan akses 24 jam kepada pengguna melalui nombor talian hotline 1-300-22-1188. Perkhidmatan yang disediakan termasuk kemudahan pemberitahuan tuntutan awal kepada syarikat insurans dan pengendali takaful, dan mengatur perkhidmatan menunda kenderaan ke bengkel yang diluluskan. Perkhidmatan yang sama turut ditawarkan oleh kebanyakan syarikat insurans dan pengendali takaful.